

16.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**FASA 2B, PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN MENGKUANG (MDEP):
PENYERAHAN UNTUK SALURAN PAIP PELEPASAN 300 JLH TAMBAHAN**

- **Kapasiti pelepasan air mentah Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) meningkat daripada 300 juta liter sehari (JLH) kepada 600 JLH.**
- **Kapasiti pelepasan yang dinaik taraf akan membantu untuk mengurangkan isu bekalan air semasa musim kemarau yang berpanjangan dan/atau senario kecemasan yang melibatkan Sungai Muda.**

PULAU PINANG, Jumaat, 16.2.2024: Kerajaan Persekutuan secara rasmi menyerahkan Fasa 2B Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang semalam.

MDEP merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang sedang berjalan sejak 2011. Semalam, Ir. Norzani bt Mahmood, Timbalan Pengarah Bahagian Bekalan Air dari Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), secara rasmi menyerahkan Fasa 2B kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Rosli bin Isa mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Fasa 2B merujuk kepada pemasangan saluran paip air mentah berdiameter 1.6m sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua.

Saluran paip ini secara efektif meningkatkan kapasiti pengeluaran Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) daripada 300 juta liter sehari (JLH) kepada 600 JLH. Fasa 2B dianggarkan bernilai RM72.5 juta.

Peningkatan kapasiti pelepasan ini akan membantu Pulau Pinang dan PBAPP ketika musim kemarau yang panjang dan/atau senario kecemasan yang melibatkan Sungai Muda.

Oleh yang demikian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan PETRA kerana telah menyerahkan Fasa 2B MDEP kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang semalam. Seterusnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyerahkan projek tersebut kepada PBAPP untuk diuruskan demi kepentingan pengguna air di Pulau Pinang.

“Hubungan” Sungai Muda, LRA Sungai Dua dan EMD

Lazimnya, PBAPP mengabstrak lebih 1,000 JLH air mentah dari sumber air mentah utama Pulau Pinang, Sungai Muda, di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai. Air mentah dari Lahar Tiang disalurkan melalui Terusan Sungai Dua sepanjang 14km ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

LRA Sungai Dua menghasilkan air terawat yang diagihkan kepada kira-kira 465,000 pengguna air di Seberang Perai, serta di Daerah Barat Daya dan Timur Laut (DBD dan DTL) di bahagian pulau.

Dalam “situasi di luar kelaziman”, PBAPP kini boleh melepaskan sehingga 600 JLH air mentah daripada EMD. 600 JLH ini akan disalurkan dari empangan ke Terusan Sungai Dua dan seterusnya ke LRA Sungai Dua.

Dua fakta penting yang perlu diperhatikan:

1. EMD pada asasnya ialah empangan kemarau strategik. Ia BUKAN empangan harian seperti Empangan Air Itam atau Empangan Teluk Bahang di bahagian pulau. Rizab EMD hanya akan dilepaskan ketika musim kemarau dan senario respons kecemasan apabila PBAPP tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda.
2. Sehingga Februari 2024, LRA Sungai Dua memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 JLH air mentah untuk menghasilkan air terawat yang mencukupi untuk semua pengguna air di kawasan perkhidmatannya.

Walaupun dengan saluran paip Fasa 2B baharu, pelepasan maksimum dari EMD ialah 600 JLH, masih kurang 400 JLH daripada 1,000 JLH. Ini bermakna EMD masih tidak dapat “menyokong sepenuhnya” Sungai Muda sebagai sumber air mentah bagi Pulau Pinang.

Menyasarkan pelepasan 1,000 JLH dari EMD

Pada 2022 dan 2023, terdapat “3 Insiden Sungai Muda” yang berpunca di Kedah yang memaksa PBAPP menghenti tugas LRA Sungai Dua: “Air Banjir Baling 1” pada Julai 2022, “Penurunan Mendadak Paras Sungai” pada Mei 2023 dan “Air Banjir Baling 2” pada September 2023.

Setiap henti tugas LRA Sungai Dua menjejaskan perkhidmatan bekalan air untuk kira-kira 465,000 pengguna di Pulau Pinang selama beberapa hari.

Untuk “melindungi Pulau Pinang” daripada impak negatif insiden Sungai Muda pada masa hadapan, PBAPP mencadangkan pemasangan saluran paip tambahan untuk meningkatkan lagi kapasiti pelepasan EMD sebanyak 400 JLH kepada 1,000 JLH. Dengan kapasiti pelepasan 1,000 JLH dari empangan, LRA Sungai Dua tidak perlu dihenti tugas apabila berlaku lagi Insiden Sungai Muda.

Dalam erti kata lain, PBAPP sedang merancang untuk memastikan pengguna air Pulau Pinang tidak lagi menderita apabila ada kejadian di Kedah pada masa hadapan.

Kos pemasangan saluran paip tambahan 400 JLH oleh PBAPP berkemungkinan melebihi RM100 juta. Pelaksanaan projek akan memerlukan tempoh masa sekurang-kurangnya 3 tahun, jika ia dilakukan secara pantas.

PBAPP akan mengemukakan pelan terperinci dan anggaran bajet pelaburan untuk kelulusan Lembaga Pengarah PBA Holdings Bhd, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Matlamatnya adalah untuk meminimumkan risiko bekalan air Pulau Pinang dan melindungi kepentingan 465,000 pengguna air Pulau Pinang. Pengguna-pengguna air ini termasuk syarikat perkilangan multinasional, hotel antarabangsa dan sektor perkhidmatan dinamik yang menyumbang secara signifikan kepada KDNK Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my